

**Untuk siaran segera
25 Ogos 2024**

MENINGKATKAN AGENDA PENDIDIKAN KEWANGAN: MSAM 2024 PNB BERAKHIR DENGAN PENCAPAIAN MEMBERANGSANGKAN

Karnival literasi kewangan terbesar Malaysia memperkasakan semua rakyat Malaysia ke arah kebebasan kewangan

Shah Alam, 25 Ogos 2024: Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah mengakhiri karnival celik kewangan tahunan terbesarnya, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024, dengan pencapaian yang memberangsangkan, mencatatkan lebih 100,000 pengunjung dengan penglibatan yang menggalakkan di tapak pameran serta merentasi semua platform digital sepanjang acara empat hari tersebut.

Bertemakan **“Kukuhkan hidup anda di MSAM”**, acara hiburan didik tersebut menjurus ke arah meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia daripada semua peringkat umur melalui pelbagai aktiviti.

Acara penutup MSAM 2024 telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari, diiringi Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad, serta kepimpinan kanan Rakan Korporat MSAM 2024.

MSAM 2024 telah berjaya menarik pengunjung bukan sahaja dari Shah Alam dan kawasan sekitarnya, malah dari seluruh negara termasuk Pulau Pinang dan Johor.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad berkata, “Kami, di PNB, bersyukur kerana MSAM kali ini menarik minat pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat, tambahan pula ini adalah pertama kali karnival ini dianjurkan di Selangor. Ini merupakan suatu perkembangan yang positif dan membantu usaha PNB untuk melahirkan lebih ramai masyarakat khususnya generasi muda agar celik pelaburan. Bersesuaian dengan tema MSAM kali ini, saya berharap para pengunjung telah dapat membawa pulang ilmu dan pengalaman yang berguna.”

“PNB juga amat menghargai sokongan hampir 13 juta rakyat Malaysia yang memberi kepercayaan kepada PNB dalam mengurus simpanan mereka sejak 46 tahun. Saya berharap para pelabur akan terus mengekalkan simpanan mereka untuk menikmati pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang,” tambah beliau.

Tahun ini, acara empat hari tersebut membawakan lebih banyak aktiviti yang menyeronokkan. Selain daripada aktiviti berkaitan celik kewangan dan perkongsian pengetahuan yang berterusan, acara-acara unik di MSAM 2024 termasuk aktiviti pelengkap seperti konsert Labur Ria, fiesta makanan di MAE-Dan Selera, dan pameran kereta di AutoMania turut diadakan.

Antara sorotan utama MSAM 2024 termasuk pengenalan inisiatif CELIK MADANI - Celik Kewangan Belia MADANI, menyasarkan 1 juta pelajar baharu untuk tempoh 5 tahun dari institut pengajian tinggi awam, termasuk institusi pengajian vokasional, dengan objektif untuk menyediakan platform dengan alat yang bersesuaian untuk melabur dan pengetahuan kewangan sebelum memulakan pekerjaan.

Dalam usaha Kumpulan untuk kekal relevan dalam kalangan ibu bapa dan generasi muda, MSAM 2024 turut menyaksikan pengenalan logo baharu ASNBN, dengan penampilan lebih segar yang mewakili personaliti “dinamik, empati, bijak dan bersemangat” dengan penyambung “S” melambangkan jambatan yang menghubungkan pemegang unit kepada matlamat dan aspirasi mereka.

YM Raja Tan Sri Dato’ Seri Arshad berkata, “Peralihan ini adalah untuk mempergiatkan usaha bagi menarik minat generasi muda yang lebih memilih alat mesra teknologi, disokong oleh produk pelaburan dan nasihat kewangan yang empati melalui perkhidmatan yang mudah dan diperibadikan.”

Sementara itu, Mohamad Redzuan bin Daud, 39 tahun, berasal dari Kelantan menjadi pengunjung paling bertuah apabila beliau memenangi sebuah unit apartmen servis di Serasi Residences, Putra Heights Sentral bernilai RM500,000 pada majlis penutup MSAM 2024 hari ini. Hadiah tersebut telah disampaikan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin, diiringi YM Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Serasi Residences, pembangunan mercu tanda oleh Sime Darby Property Berhad, adalah koleksi apartmen servis pegangan bebas yang terdiri daripada 1,428 unit.

Pembangunan tersebut terletak secara strategik di dalam Putra Heights Sentral, Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) pertama Sime Darby Property.

Selain Mohamad Redzuan, dua lagi pengunjung, Noritah binti Rusli, 48, berasal dari Kelantan, memenangi Perodua Ativa 1.0 Turbo untuk pertandingan 'e-Peraduan' utama, dan Harozi binti Kamaludin, 45, dari Melaka, membawa pulang Macbook Air 13-inci, selepas beliau memenangi kategori pengunjung bertuah pada majlis penutup MSAM 2024.

Sewaktu MSAM 2024 berlangsung, Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS), telah memperkenalkan produk perlindungan terbaharunya, IKHLAS Lindung, selari dengan usaha syarikat tersebut untuk terus menyediakan produk takaful yang inovatif dan relevan dengan keperluan masyarakat serta proses aplikasi yang mudah.

Takaful IKHLAS adalah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad.

Orang ramai yang melanggan produk-produk takaful keluarga daripada ejen-ejen Takaful IKHLAS sama ada di tapak pameran MSAM 2024 atau di kaunter satelit Takaful IKHLAS seluruh negara, berpeluang memenangi satu (1) daripada sepuluh (10) sijil ASNB bernilai RM500 menerusi Cabutan Rezeki IKHLAS.

Selain itu, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua), telah mempamerkan prototaip kenderaan elektrik (EV) pertamanya, EMO-1, yang akan menjadi asas kepada pembangunan kenderaan elektrik mereka pada masa hadapan.

S P Setia Berhad pula telah membawakan falsafah pembangunan 50 tahun syarikat, "*LiveLearnWorkPlay*", secara eksklusif kepada pengunjung MSAM 2024 menerusi pelbagai trak dengan tema:

- 1) *Activity Truck* - Pengunjung dapat menyaksikan secara langsung persembahan daripada artis-artis tempatan.
- 2) *Learn Truck* - Bengkel seni dan kraf STEM seperti membina rumah solar dan kincir angin, serta bengkel mini terarium.

- 3) *Work Truck - "Escape Room"* bertemakan pejabat untuk membawa keseronokan kepada suasana di tempat kerja.
- 4) *Play Truck* - Pengunjung diberikan kesempatan untuk mencabar diri mereka dengan bermain permainan popular pesta ria.

Pengunjung yang dapat melengkapkan semua aktiviti di trak tersebut berpeluang untuk memenangi barangan eksklusif Setia termasuk Ganjaran Ulang Tahun hingga RM50,000, hadiah mingguan bernilai hingga RM10,000, serta Pakej Homefest.

MSAM 2024 juga telah dijayakan dengan kerjasama Grab Malaysia sebagai rakan rasmi e-hailing.

Ketika upacara penutup MSAM 2024, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad turut merakamkan penghargaan kepada Rakan Korporat MSAM 2024, yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan MSAM terus menjadi antara karnival celik kewangan yang dinanti-nantikan di negara ini.

Rakan Korporat MSAM 2024 terdiri daripada: -

Kategori Rakan Premier

- Malayan Banking Berhad (Maybank)
- SD Guthrie Berhad
- Sime Darby Berhad
- S P Setia Berhad

Kategori Rakan Utama

- Sime Darby Property Berhad
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua)
- MNRB Holdings Berhad

Kategori Rakan

- Duopharma Biotech Berhad
- Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas)

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampuan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kirakira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad